

Tun M dah hi

Ahmad Zahid sifatkan
Dr Mahathir mahu cari
'perumah' baru dalam politik

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM



Laporan muka depan *Sinar Harian*
pada Khamis.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan kesediaannya untuk kembali kepada UMNO memperlihatkan beliau kini kehilangan hala tuju dalam perjuangan politik.

Menurutnya, dengan mengambil kira senario semasa yang berlaku dalam politik negara, beliau menyifatkan tindakan terbaharu Dr Mahathir itu adalah cubaannya mencari 'perumah' baru dalam politik untuk kepentingan dirinya.

"Ramai lihat beliau kini hilang hala tuju dalam memperjuangkan kepentingan politik peribadi dan kroni-kroninya selepas tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

"Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) telah memecatnya. Pakatan Harapan tidak lagi mempedulikannya. Kerajaan Perikatan Nasional (PN) tidak luluskan pendaftaran parti baharunya. Makanya perlu cari 'perumah' lain atau setidak-tidaknya kembali kepada 'perumah lama' untuk terus mendapatkan manfaat 'nutrisi'," katanya dalam satu kenyataan di Facebooknya pada Jumaat.

lang hala tuju'

Pada Rabu, Dr Mahathir yang pernah memegang jawatan sebagai Presiden UMNO selama 22 tahun itu mengakui beliau masih menyayangi parti pertama yang pernah dipimpinnya itu sehingga kini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika muncul sebagai tetamu jemputan dalam rancangan 'Bersama Tun M' iaitu bual bicara terbitan *Sinar Harian* pada Rabu.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, rakyat pastinya sudah mengerti bahawa syarat yang ditetapkan Dr Mahathir itu sekadar alasan.

Tambah beliau, sejarah yang berlaku pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) juga membuktikan siapa yang sebenarnya meninggalkan dasar yang berpegang kepada bangsa, negara dan agama demi kepentingan politik sendiri.

"Ia cuma argumentasi atau dalih untuk menjustifikasikan kehendak kembali kepada parti keramat ini atau juga ia strategi beliau pada PRU 14 untuk memaikan sentimen rasa hormat ahli UMNO bagi menumbangkan

kerajaan Barisan Nasional," katanya.

Ahmad Zahid secara sinis turut menunjukkan rasa kasihannya terhadap penyokong dan pemimpin parti Pejuang yang baharu diasaskan Dr Mahathir.

"Bagaimana agaknya perasaan penyokong dan pemimpin parti Pejuang lain mendengar kata-kata Dr Mahathir ini? Semoga tiada gua berhampiran mereka," kata beliau lagi.

